



24 JUN, 2022

Hasil durian di luar jangka

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Hasil durian di luar jangka

Akibat pengeluaran meningkat, membolehkan raja buah itu dijual pada harga berpatutan

Oleh **MOHD ISKANDAR OTHMAN**
SEBERANG JAYA

Pengeluaran hasil durian yang di luar jangka musim kali ini membolehkan raja buah itu dijual pada harga yang berpatutan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pada mulanya pihaknya menjangkakan pengeluaran durian kali ini berkurangan antara 30 hingga 40 peratus berbanding tahun lalu berikutan faktor cuaca

yang tidak menentu.

Bagaimanapun ujarnya, pengeluaran hasil durian di beberapa kawasan seperti di Pulau Pinang dan Perak di luar jangka dan membolehkan orang ramai menikmati pelbagai varieti durian termasuk dalam kategori premium.

"Kita jangkakan harga durian akan melambung namun ia tidak berlaku malah disebabkan hasil pengeluaran yang meningkat menyebabkan harga raja buah itu termasuk dalam kategori premium dijual pada harga yang berpatutan pada musim kali ini.

"Apa yang boleh dikatakan hasil durian kali ini begitu menjadi kerana dalam lawatan saya mendapati durian musang king dijual tidaklah terlalu mahal kerana pengeluarannya meningkat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Program FAMA Fest Pulau Pinang di sini pada Khamis.

Ahmad memaklumkan, pro-



Ahmad (tiga dari kiri) ketika melancarkan Penang Fama Fest 2022 di Seberang Jaya pada Khamis.

gram FAMA Fest yang dianjurkan itu bertujuan untuk membantu menambah luang pasaran kepada para usahawan dalam memasarkan produk agromakanan mereka.

Jelasnya, FAMA Fest yang

berlangsung selama lima hari bermula Rabu menawarkan pelbagai pilihan produk agromakanan yang boleh didapati menerusi Jualan My Rakyat dan Jualan Terus Dari Ladang dengan penawaran penjimatan 10 peratus

dari pasar-pasar awam berdekatan.

Bagi program kali ini, Ahmad berkata, pihaknya menyasarkan kehadiran seramai 50,000 pengunjung dan mencapai nilai jualan sebanyak RM500,000.



24 JUN, 2022

Hasil durian di luar jangka

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Akibat pengeluaran meningkat, membolehkan raja buah itu dijual pada harga berpatutan

Pengeluaran hasil durian yang di luar jangka musim kali ini membolehkan raja buah itu dijual pada harga yang berpatutan. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pada mulanya pihaknya menjangkakan pengeluaran durian kali ini berkurangan antara 30 hingga 40 peratus berbanding tahun lalu berikutan faktor cuaca yang tidak menentu.